



**KENYATAAN AKHBAR  
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL  
(PTPTN)**

**TAWARAN PERUBAHAN DARIPADA PINJAMAN PENDIDIKAN KEPADA  
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BERLANDASKAN SYARIAH**

Sebagaimana yang diketahui umum, kerajaan telah mengumumkan pengurangan caj pinjaman iaitu dari tiga (3) peratus kepada satu (1) peratus berkuatkuasa 1 Jun 2008. PTPTN telah mula melaksanakan Pembiayaan Pendidikan berkonsepkan Ujrah satu (1) peratus kepada pelajar-pelajar baru mulai kelulusan pada 22 Disember 2008. Manakala penawaran Ujrah kepada pelajar-pelajar lama yang layak akan dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 1hb Ogos 2009.

Penawaran Ujrah adalah dibuat berdasarkan kategori peminjam seperti berikut:-

- a. Peminjam sedia ada yang sedang belajar.,
- b. Peminjam yang telah tamat pengajian, Bagi mereka yang mempunyai tunggakan mereka perlu melunaskan kesemua bayaran balik yang tertunggak sebelum layak menikmati kaedah pembiayaan berkonsepkan Ujrah.
- c. Peminjam yang telah diambil tindakan undang-undang **tidak akan ditawarkan** pembiayaan berkonsepkan Ujrah dengan kenaan upah satu (1) peratus setahun, sebaliknya akan diambil tindakan berdasarkan prosedur perundangan seperti yang telah ditetapkan.

Peringkat pertama tawaran Ujrah kepada pelajar-pelajar lama yang layak akan dibuat pada 1 Ogos 2009. Pelajar-pelajar yang ditawarkan ini akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (sms) daripada PTPTN. Peringkat pertama ini

melibatkan seramai lebih kurang 20,000 orang pelajar. Tawaran peringkat pertama ini melibatkan pelajar-pelajar di dalam kategori berikut :

- i. Pelajar-pelajar yang diluluskan pinjaman pendidikan PTPTN secara *online* **mulai Jun 2008 sehingga 21 Disember 2008**;
- ii. Pelajar-pelajar sedang meneruskan pengajian di peringkat diploma dan ijazah sastera di IPTA; dan
- iii. Pelajar-pelajar yang tidak menerima Wang Pendahuluan Pinjaman.

Pelajar-pelajar yang berada di dalam kategori ini hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :

- i. Membuat semakan melalui laman web PTPTN serta membaca maklumat dan tindakan yang perlu diambil oleh mereka;
- ii. Pelajar-pelajar yang ditawarkan hendaklah memasuki laman web *e-pinjaman* dan *login* menggunakan kata laluan yang digunakan semasa permohonan *online* dibuat dahulu;
- iii. Pelajar-pelajar perlu mencetak dokumen tawaran dan melengkapkan dokumen tawaran tersebut (termasuk melekatkan setem hasil); dan
- iv. Menghantar dokumen berkenaan kepada PTPTN untuk tindakan yang selanjutnya. Dokumen perlu diterima oleh PTPTN dalam tempoh **30 hari daripada tarikh tawaran** (1 Ogos 2009).

Adalah diingatkan agar pelajar-pelajar yang telah menerima tawaran Ujrah perlu mengemukakan dokumen yang lengkap kepada PTPTN mengikut tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan PTPTN menyelesaikan urusan perubahan ini sebagaimana sepatutnya.

Pelajar-pelajar yang layak tetapi tidak menerima tawaran pada kali ini akan menerima tawaran pada peringkat yang seterusnya.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Call Centre PTPTN di talian 03-2092 7788 ataupun melayari laman web PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**NOORA MD YUSOFF**  
**Pegawai Perhubungan Awam**  
**b/p Ketua Eksekutif PTPTN**